

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI**  
**ANNUAR BIN HAJI MUSA**  
**[KETEREH]**

**SOALAN NO. 83**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [**  
**KETEREH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah suntikan bon yang diperoleh dari Negara China dan Jepun yang telah diperolehi sehingga kini sepanjang pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari segi hutang langsung kerajaan, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 menetapkan bahawa siling pinjaman luar negeri tidak melebihi RM35 bilion. Sehingga akhir Jun 2019, jumlah hutang luar negeri terkumpul adalah RM29.2 bilion atau 3.7% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi hutang dalam mata wang Dolar AS (RM16 bilion), Yen (RM13.1 bilion), Dinar Islamik (RM200 juta), Euro (RM1.6 juta) dan Dolar Kanada (RM2.5 juta).
2. Pada 15 Mac 2019, Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan bon Samurai dengan jaminan *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) sebanyak 200 bilion yen (RM7.4 bilion), bertempoh matang 10 tahun pada kos penuh sebanyak 0.63% setahun. Penerbitan bon ini merupakan yang pertama sejak penerbitan bon Samurai yang terakhir pada tahun 1989 dan merupakan terbitan bon kerajaan jaminan JBIC yang terbesar dalam pasaran Jepun.
3. Pentadbiran Kerajaan di bawah Pakatan Harapan tidak membuat sebarang pinjaman baharu dari negara China buat masa ini.
4. Walau bagaimanapun, semasa pentadbiran terdahulu, China melalui China EXIM Bank telah memberi pinjaman kepada syarikat berkaitan Kerajaan bagi membiayai projek-projek infrastruktur seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Projek Saluran Paip Gas *Multi-Product* (MPP) dan saluran Paip Gas *Trans-Sabah* (TSGP) serta Jambatan Kedua Pulau Pinang. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah pinjaman terkumpul bagi projek ECRL adalah sebanyak RM13.6 bilion, MPP dan TSGP (RM6.9 bilion) serta Jambatan Kedua Pulau Pinang (RM1.2 bilion). Memandangkan pinjaman ini merupakan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pakatan Harapan telah melaksanakan rasionalisasi kos projek berkenaan. Melalui usaha ini, Kerajaan telah mendapat penjaminan sebanyak RM21.5 bilion bagi projek ECRL manakala bagi projek MPP dan TSGP pula, ia masih dalam proses rundingan.